KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

# MODUL BIMBINGAN

## MOBIM

# BAHASA MELAYU

## Tahun 1

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

# MODUL BIMBINGAN (MOBIM)

# BAHASA MELAYU TAHUN 1

Terbitan 2023
©Kementerian Pendidikan Malaysia
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4, 6 - 8, Blok E9, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia.

ISBN 978-967-420-727-4

# KANDUNGAN


| PERKARA | HALAMAN |
|---|---|
| Rukun Negara | i |
| Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan | ii |
| Kata Alu-aluan | iii |
| Pengenalan | iv |
| Kaedah Pengajaran Kemahiran Asas Membaca Bahasa Melayu | 1 |
| • Kaedah Huruf / Abjad | 2 |
| • Kaedah Bunyi / Fonik | 3 |
| • Kaedah Suku Kata | 4 |
| • Kaedah Pandang Sebut | 5 |
| Kaedah Penggunaan Modul Asas Literasi Bahasa Melayu | 7 |
| • Modul MALBM | 8 |
| • Tatacara Penggunaan MALBM | 9 |
| • Latihan | 12 |
| • Bahan Rujukan | 25 |
| Kaedah Pengajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Melayu | 27 |
| Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca Bahasa Melayu | 37 |
| Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu | 49 |
| Contoh Aktiviti Menarik Pengajaran Bahasa Melayu | 67 |
| Cadangan Repositori BPK | 73 |
| Panel Penulis | 80 |
| Penghargaan | 81 |

# RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

**MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:**

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

## FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara".

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

## KURIKULUM KEBANGSAAN

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 [PU(A)531/97.]

# KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,



Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah berjaya menghasilkan Modul Bimbingan (MOBIM) Bahasa Melayu (BM) Tahun 1 sebagai panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan peruntukan waktu yang telah ditetapkan. Modul ini diharap dapat digunakan sebagai panduan dan pencetus idea kepada guru untuk merancang dan melaksanakan aktiviti PdP yang menarik dan berkesan untuk mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun 1, khususnya dalam beberapa Standard Kandungan atau Standard Pembelajaran dalam satu sesi pengajaran.

Contoh PdP dalam modul ini menggunakan pendekatan pengajaran dengan bahan maujud, bergambar dan abstrak dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, modul ini juga menerapkan model VAK (gaya pembelajaran visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik). Kajian telah menunjukkan pendekatan dan gaya pembelajaran ini sangat berkesan untuk membina kefahaman dan membantu penguasaan murid dalam Bahasa Melayu.

MOBIM Bahasa Melayu Tahun 1 ini diharap dapat menjadi panduan kepada gurudalam mempelbagaikan strategi dan kaedah PdP dengan berkesan di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan kepada murid. Selain itu, modul ini diharap dapat membantu guru dalam mengintegrasikan pengetahuan dan mengukuhkan kemahiran bahasa murid dengan berkesan.

BPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan modul ini. Diharapkan modul yang dihasilkan ini dapat memberikan manfaat kepada semuapihak, khususnya guru dan murid dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

**DR. RUSMINI BINTI KU AHMAD**
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENGENALAN

Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) bertujuan untuk membentuk murid yang berketerampilan dalam berbahasa dan dapat berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

Modul Bimbingan (MOBIM) Bahasa Melayu Tahun 1 menekankan pembelajaran bermakna melalui strategi dan pendekatan PdP dengan menggunakan bahan maujud, bergambar dan abstrak dalam pembelajaran Bahasa Melayu. MOBIM Bahasa Melayu Tahun 1 juga menekankan pembelajaran secara kontekstual, kolaboratif dan penyelesaian masalah secara ansur maju, ke arah penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kemahiran abad ke-21. Selain itu, modul ini juga menggunakan pendekatan pengajaran dengan bahan maujud, bergambar dan abstrak serta menerapkan model VAK dalam gaya pembelajaran yang melibatkantiga gaya pembelajaran, iaitu visual, gaya pembelajaran auditori dan gaya pembelajaran kinestetik.

### 1. Objektif Modul

Modul ini dibangunkan bagi membantu guru untuk:

a. Melaksanakan kurikulum dengan peruntukan waktu sedia ada;
b. Memahami kurikulum dan menterjemahkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dengan lebih berkesan; dan,
c. Menstruktur melalui integrasi beberapa standard pembelajaran yang sesuai.

### 2. Organisasi MOBIM Bahasa Melayu

Panduan yang disediakan dalam MOBIM Bahasa Melayu Tahun 1 berdasarkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan 2017) Bahasa Melayu Tahun 1.

Modul ini mengandungi strategi PdP yang dibangunkan berdasarkan beberapa pendekatan melalui penyusunan kandungan dan kemahiran bahasa. Setiap tajuk di dalam modul ini disertakan dengan fokus atau penekanan yang perlu diberikan dalam sesuatu PdP, cadangan aktiviti, catatan atau nota kepada guru, bahan sumber untuk rujukan guru dan lembaran kerja untuk murid.

## 3. Cadangan Aktiviti

Aktiviti yang dicadangkan dalam modul ini berdasarkan penggunaan bahan maujud dan bahan bergambar bagi membantu pemahaman serta penguasaan sesuatu konsep Bahasa Melayu, sebelum memperkenalkan ayat. Cadangan aktiviti ini adalah fleksibel dan boleh diadaptasi oleh guru agar bersesuaian dengan keupayaan murid, kemudahan fasiliti dan kesediaan bahan bantu mengajar di sekolah masing-masing. Guru juga boleh menambah baik aktiviti berdasarkan kreativiti dan daya inovasi guru.

### 3.1 Catatan

Ruangan ini mengandungi nota atau panduan berkaitan cadangan bahan bantu mengajar, limitasi sesuatu kandungan, penjelasan kepada istilah atau terminologi tertentu dan catatan yang lain yang membantu mencapai SP.

### 3.2 Lembaran Kerja

Setiap tajuk disertakan dengan lembaran kerja bergambar bagi membantu murid mengaplikasi pemahaman mereka dan menguasai sesuatu konsep Bahasa Melayu. Soalan latihan dalam lembaran kerja ini disertakan dengan contoh penyelesaian dan disusun secara ansur maju mengikut aras mudah kepada yang lebih sukar. Guru boleh menggunakan soalan-soalan tersebut sebagai contoh dan membina soalan sendiri sebagai latihan tambahankepada murid. Jawapan untuk lembaran kerja turut disediakan.

### 3.3 Pentaksiran

Proses pentaksiran berlaku sepanjang tempoh PdP. Guru perlu merancang dan mentaksir murid secara holistik dengan melihat semua aspek semasa sesi PdP. Penentuan Tahap Penguasaan murid hendaklah merujuk Standard Prestasi yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu Tahun 1 dan pelaporan dilakukan mengikut ketetapan Pentaksiran Bilik Darjah yang berkuat kuasa.

### 3.4 Cara Menggunakan MOBIM

Modul ini merupakan panduan dan cadangan kepada guru bagi membantu guru melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu Tahun 1 dan mencapai matlamatnya dengan peruntukan waktu dan bahan sumber sedia ada. Oleh itu, guru disarankan agar mengajar mengikut tajuk dan kandungan kurikulum yang telah disusun dalam modul ini. Guru boleh mengubah suai cadangan aktiviti mengikut keperluan dan kesediaan murid serta fasiliti sekolah masing-masing.

## 4. Cadangan Proses Pengajaran

Guru disarankan menggunakan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik dalam menjayakan sesuatu PdP. Antaranya:

### 4.1 Pembelajaran ansur maju:

Perkenalkan konsep strategi/kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bermula daripada perkara yang mudah kepada yang sukar, daripada yang konkrit (bahan maujud atau bergambar) kepada abstrak, dandaripada kontekstual kepada konstruktif.

### 4.2 Pembelajaran didik hibur:

Bagi memupuk minat murid dalam pembelajaran, aktiviti yang disampaikan perlulah menggunakan pendekatan yang menarik, *hands-on*, melibatkan penerokaan dan melalui cara penyampaian yang berkesan. Guru disarankan menggunakan pendekatan didik hibur melalui nyanyian, permainan dan penggunaan bahan maujud yang menarik dalam pengajaran.

### 4.3 Penggabungjalinan kemahiran:

Guru perlu menggabungjalinkan suatu kemahiran yang lain mengikut kesesuaian. Pembelajaran kemahiran bahasa dapat digabungjalinkan sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta aspek seni bahasa dan tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

### 4.4 Pembelajaran VAK:

Pembelajaran VAK merupakan gaya pembelajaran yang merangkumi kebolehupayaan belajar melalui tiga jenis deria iaitu deria penglihatan, pendengaran dan pergerakan. Gaya pembelajaran ini lebih dikenali sebagai pembelajaran VAK (Visual, Auditori, Kinestetik)

Murid yang mengikuti pembelajaran berasaskan visual mudah menerima maklumat melalui gambar, carta dan gambar rajah. Selain itu, murid ini lebih mudah belajar melalui aktiviti menulis atau mempunyai ingatan yang lebih terhadap tulisan atau ilustrasi yang berbentuk visual. Murid ini tidak memerlukan penerangan lisan yang banyak.

Bagi murid yang mengikuti pembelajaran auditori pula mudah menerima maklumat melalui pendengaran. Murid ini suka mendengar aktiviti yang melibatkan pendengaran atau penyampaian maklumat yang disampaikan melalui pendengaran seperti mendengar pita audio, syarahan atau perbincangan. Maklumat diingati melalui suara yang didengar.

Murid yang cenderung dalam gaya pembelajaran kinestetik berbeza dengan murid yang cenderung dalam gaya pembelajaran visual dan cenderung dalam gaya pembelajaran auditori. Murid ini suka akan pengalaman yang melibatkan anggota fizikal. Mereka suka akan sesuatu yang pratikal yang melibatkan sentuhan atau alatan. Murid ini tidak suka aktiviti yang hanya duduk dan mendengar sahaja. Tumpuan hanya berlaku apabila ada pergerakan. Pembelajaran kinestetik melibatkan aktiviti belajar melalui pergerakan. Mereka sangat aktif dalam aktiviti kumpulan dan lawatan.

Guru perlu memilih gaya pembelajaran VAK yang betul dan sesuai dengan murid. PdP yang kreatif oleh guru amat penting kerana PdP yang berkesan akan meningkatkan minat, motivasi serta mempengaruhi pencapaian murid dalam menguasai kemahiran bahasa.

**4.5 Pengulangan dan latih tubi:**

Pengulangan dan latih tubi amat penting dalam pembelajaran murid terutamanya murid Tahap 1. Proses pembelajaran di dalam bilik darjah berlaku secara berulang kali. Kemahiran yang diajarkan kepada murid hendaklah diulang-ulang sebagai pengukuhan agar sentiasa diingati oleh murid. Latih tubi yang dijalankan akan menambah baik penguasaan murid.

**4.6 Pengayaan dan pemulihan:**

Aktiviti pengayaan dan pemulihan memainkan peranan yang berbeza dalam PdP. Kedua-duanya hendaklah dilaksanakan selepas sesuatu PdP. Guru hendaklah sentiasa prihatin akan refleksi muridnya. Aktiviti ini dijalankan selepas PdP bertujuan untuk mengukuhkan apa-apa yang dipelajari, manakala pemulihan pula bertujuan untuk memulihkan murid yang masih belum menguasai pembelajaran yang diajar.

**5. Pendekatan Terbeza**

Pengajaran terbeza bermaksud murid-murid belajar mengikut aras dan situasi murid. Proses pembelajaran ini mengambil kira tahap pembelajaran murid, kecenderungan serta kemampuan pembelajaran mereka. Pembelajaran ini mengambil kira tiga aspek terbeza, iaitu melalui kandungan, proses dan produk.

Perbezaan melalui kandungan ialah kandungan yang diberikan adalah berbeza mengikut tahap murid. Manakala, perbezaan dari segi proses pula adalah murid melakukan aktiviti yang sama tetapi melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza. Perbezaan dari segi produk bermaksud murid menghasilkan produk yang berlainan.

Pembelajaran terbeza ini tidak membezakan kemahiran yang dipelajari oleh murid. Kemahiran yang dipelajari adalah sama tetapi yang berbeza hanyalah proses dan hasil.

Melalui pendekatan ini, guru harus memberi perhatian terhadap pencapaian murid sama ada dari segi aras mahupun tahap. Selain itu, guru perlu tahu kemampuan muridnya menghasilkan sesuatu. Pentaksiran boleh dijalankan bagi mengenal pasti kemampuan murid. Pembelajaran terbeza ini dapat membantu dalam meningkatkan pencapaian dan pembelajaran murid serta mengekalkan motivasi dan minat murid terhadap pembelajaran. Melalui kaedah pengajaran ini, murid akan dapat belajar dengan lebih efektif dan memperoleh pencapaian yang lebih baik.

# KAEDAH PENGAJARAN KEMAHIRAN ASAS MEMBACA BAHASA MELAYU

## 1. KAEDAH HURUF/ABJAD

Kaedah ini mementingkan pengenalan nama-nama huruf dan bunyi-bunyi huruf.

Kaedah ini dimulakan dengan:

i. Mengenal nama-nama huruf – a, b, c, d, -- y, z, vokal dan konsonan.

ii. Dalam bahasa Melayu yang disebut ialah:

- vokal – a, e, i, o, u
- vokal dan konsonan – ba, bi, bu, be, bo
- diftong – ai, au, oi.
- Bunyi-bunyi huruf disambung supaya menjadi suku kata, misalnya ba + ju = baju, bo + la = bola dan sebagainya.
- Murid kemudiannya mengenal rangkai kata, ayat dan seterusnya diajar membaca.

| KELEBIHAN | KEKURANGAN |
|---|---|
| • Kaedah ini sesuai dilaksanakan kerana sistem bahasa Melayu terdiri daripada suku kata yang hampir tetap bunyinya.<br><br>• Kaedah ini membolehkan murid aras rendah membaca perkataan-perkataan baharu kerana mereka dapat mengenal huruf-huruf dan membunyikan vokal dan konsonan dengan baiknya.<br><br>• Kaedah ini menekankan kemahiran asas dan binaan yang kukuh dalam aktiviti asas membaca.<br><br>• Murid dapat mencapai tahap kecekapan yang tinggi dalam kemahiran membaca dan memberikan keyakinan kepada mereka untuk terus membaca. | • Murid-murid lancar membaca tetapi tidak faham apa-apa yang dibaca kerana terlalu mementingkan sebutan dan kelancaran membaca semata-mata menerusi hafalan.<br><br>• Murid membaca dalam keadaan yang tidak lancar dan tidak faham apa-apa yang dibaca kerana terbawa-bawa tabiat membaca sambil mengeja.<br><br>• Murid tidak membaca secara bermakna.<br><br>• Murid bosan membaca jika diberi latih tubi yang berlebihan kerana kaedah ini lebih kepada aktiviti hafalan dan kurang penghayatan. |

## 2. KAEDAH BUNYI/FONIK

Huruf-huruf dibunyikan terlebih dahulu sebelum gabungan huruf tersebut dijadikan suku kata dan akhirnya perkataan. Contohnya:

b (beh), a (ah) = ba

t (teh), u (uh) = tu

ba + tu = batu.

| KELEBIHAN | KEKURANGAN |
|---|---|
| • Kaedah ini sesuai dilaksanakan kerana bahasa Melayu terdiri daripada suku kata-suku kata yang tetap bunyinya. Perkataan disebut berdasarkan bunyi huruf.<br><br>• Sesuai untuk kanak-kanak yang baru mengenal huruf.<br><br>• Murid perlu mengenal huruf dan mengaitkannya dengan bunyi.<br><br>• Kaedah ini membolehkan murid membaca perkataan-perkataan baharu walaupun di luar perbendaharaan kata mereka. | • Kaedah ini lebih sesuai untuk murid yang cerdas.<br><br>• Persiapan awal perlu dilakukan oleh murid sebelum aktiviti membaca.<br><br>• Murid hendaklah mengetahui bunyi dan bentuk huruf terlebih dahulu.<br><br>• Kaedah ini lebih sesuai digunakan kepada murid yang telah mahir menyebut dan mengingat huruf yang telah dipelajari.<br><br>• Tidak menarik perhatian murid kerana suku kata yang diajarkan tidak mempunyai makna yang nyata (konkrit) kepada mereka. |

## 3. KAEDAH SUKU KATA




- Kaedah suku kata merupakan satu deretan bunyi yang mengandungi satu puncak kelantangan.
- Suku kata merupakan ujaran terkecil daripada kata yang didengarkan pada kehadiran vokal.
- Satu suku kata sekurang-kurangnya mengandungi satu vokal dan satu konsonan.

Contoh:

**Kata tunggal satu suku kata: kvk (cat)**

**Kata tunggal dua suku kata: v + kv (api)**

**Kata tunggal tiga suku kata: kv + kv + kv (kereta)**

| KELEBIHAN | KEKURANGAN |
|---|---|
| • Murid dapat mengeja dengan baiknya kerana dilatih untuk mengeja bagi tiap-tiap perkataan yang dieja.<br><br>• Guru tidak perlu menggunakan bahan bantu mengajar yang banyak dan ini memudahkan guru-guru menjalankan tugasnya. | • Murid tidak lancar membaca kerana lebih fokus kepada huruf dan suku kata.<br><br>• Terlalu mementingkan ejaan hingga menyebabkan fahaman tidak berjaya diperoleh.<br><br>• Murid mudah keliru kerana nama-nama huruf tidak menepati bunyi huruf-huruf tersebut. |

## 4. KAEDAH PANDANG SEBUT

Kaedah ini mementingkan dua perkara, iaitu

i. Membaca perkataan atau rangkai kata berdasarkan pengalaman melalui gambar.

Contoh: Gambar buku ditunjukkan berserta dengan perkataan buku

ii. Membaca ayat melalui gambar yang ada cerita.

| KELEBIHAN | KEKURANGAN |
|---|---|
| • Kaedah ini menjimatkan masa sebab tidak perlu belajar mengeja perkataan dahulu.<br>• Murid berpeluang memahami maksud perkataan semasa menyebut perkataan tersebut.<br>• Kaedah mempelajari kemahiran membaca yang cepat. | • Murid boleh menyebut perkataan tetapi tidak mahir mengeja.<br>• Tidak boleh menyebut bunyi perkataan baharu kerana tiada pendedahan.<br>• Perbendaharaan kata murid terhad.<br>• Sesuai untuk murid kumpulan aras tinggi. |

# KAEDAH PENGGUNAAN MODUL ASAS LITERASI BAHASA MELAYU

# Modul MALBM




Pautan

# Tatacara Penggunaan MALBM

1

Sesuaikan standard pembelajaran dengan bahan Modul Asas Literasi Bahasa Melayu (MALBM).




2

Mulakan PdP dengan aktiviti asas berdasarkan MALBM.



# Tatacara Penggunaan MALBM

3




Kembangkan aktiviti PdP berdasarkan cadangan aktiviti yang dinyatakan dalam Modul Bimbingan (MALBM).

4

Aplikasi pelbagai strategi PdP yang sesuai dengan keperluan pembelajaran murid.

- Permainan
- Nyanyian
- Main Peranan
- Simulasi
- Bercerita
- Inkuiri Penemuan
- Perbahasan
- Kuiz
- Sumbang Saran
- Soal Jawab
- Lakonan

# Tatacara Penggunaan MALBM

5

Sediakan bahan bantu belajar (BBB) yang sesuai dan memberikan impak terhadap penguasaan murid yang berbeza.



## Latihan Penggunaan MALBM

## UNIT 1

**Aktiviti 1:** Membaca huruf vokal dengan sebutan yang betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran:**

1. Permainan latihan minda dijalankan sebagai persediaan murid untuk belajar.
2. Murid menyanyikan lagu huruf vokal berdasarkan tayangan video yang dipaparkan oleh guru.
3. Murid menunjukkan kad huruf vokalyang betul sambil beryanyi.
4. Latih tubi menyebut huruf vokal sambil membuat lakaran di awangan dilakukan.

**Aktiviti 2:** Menulis huruf vokal dengan betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menyebut dan membunyikan huruf vokal.
2. Murid menyebut huruf vokal sambil membuat lakaran di awangan.
3. Murid membentuk huruf vokal menggunakan plastisin atau tanah liat.
4. Murid menyambung titik-titik untuk membentuk huruf vokal.

Setiap unit dilengkapi dengan latihan membaca dan menulis.

## BBB UNIT 1: Membaca




## BBB UNIT 1 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 7 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

## UNIT 2

**Aktiviti 1:** Membaca suku kata dengan sebutan yang betul.


UNIT 2: KENAL SUKU KATA

Panduan Ibu Bapa:
Ibu bapa boleh membantu anak melaksanakan aktiviti pembelajaran dan merekodkan penguasaan kemahiran dalam borang **Rekod Penguasaan** murid. Aktiviti pembelajaran juga boleh dirujuk kepada kod QR yang diberi.

Anda telah sedia? Jom kita belajar!
Imbas kod QR dan ikuti langkah-langkah seperti dalam video tersebut.

Imbas saya di sini!

KEMAHIRAN MEMBACA

Latihan 1:
Sebut dan bunyikan suku kata ini.

Imbas saya di sini!
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.

b + a = ba
d + e = de
f + i = fi
k + o = ko
h + u = hu

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menonton video yang dilampirkan.
2. Murid menyebut dan membunyikan huruf vokal dan konsonan.
3. Murid mencantumkan satu kad huruf konsonan dan satu huruf vokal bagi membentuk suku kata terbuka.
4. Latih tubi menyebut dan membunyikan suku kata terbuka.

**Aktiviti 2:** Menulis suku kata dengan betul.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid membunyikan suku kata terbuka yang terdapat dalam kotak madu.
2. Latih tubi menyebut dan membunyikan suku kata terbuka secara berpasangan.
3. Murid menulis suku kata terbuka yang disebut oleh guru pada papan putih kecil.
4. Murid mencari dan mewarnakan petak suku kata terbuka yang sama.
5. Murid menulis suku kata yang disebutoleh guru mengikut warna.


KEMAHIRAN MENULIS

Latihan 1:
Cari dan warnakan petak suku kata mengikut warna yan diberi.

pe wa ri ju so
zi me da ru ho

CONTOH:

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| pe | ru | wa | xi | so | yo | ho | fe | ri | zi |
| qa | si | mu | ka | ri | go | pe | mu | ka | fe |
| xi | me | ve | ju | ca | yo | ru | co | wa | ve |
| wa | ca | ho | go | ve | me | ti | fe | la | mu |
| si | ju | xi | ti | pe | jo | xi | ju | yo | so |
| yo | ca | zi | la | co | ru | la | ri | jo | qa |
| ka | so | mu | da | mu | ve | ho | go | ti | da |
| da | si | co | mu | ti | zi | ka | me | je | co |
| yo | ca | zi | la | co | ru | la | ri | jo | qa |
| ka | so | mu | da | mu | ve | ho | go | ti | da |

## BBB UNIT 2: Membaca

| | | |
|---|---|---|
| b | a | ba |
| l | o | lo |
| d | u | du |
| s | e | se |
| k | i | ki |

## BBB UNIT 2 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 9 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

## UNIT 3

**Aktviti 1:** Membaca perkataan dengan sebutan yang betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menonton video yang ditunjukkan sambil menyebut perkataan.
2. Murid mengeja dan membaca perkataan berdasarkan gambar.
3. Murid diberi kad perkataan dan kad gambar secara berasingan.
4. Murid membaca dan memadankan kad perkataan dengan kad gambar yang betul.

**Aktiviti 2:** Menulis perkataan secara mekanis.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menonton video yang ditunjukkan sambil menyebut perkataan.
2. Murid menulis perkataan atas pasir kinetik.
3. Murid menulis perkataan yang betul berdasarkan gambar.



## BBB UNIT 3: Membaca








| | |
|---|---|
| **jam** | **beg** |
| **jet** | **zip** |
| **kek** | **tin** |

## BBB UNIT 3 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 11 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

# UNIT 4

## **Aktiviti 1:** Membaca perkataan dengan sebutan yang betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menonton video yang ditunjukkan sambil menyebut perkataan.
2. Murid mengeja dan membaca perkataan berdasarkan gambar.
3. Murid memilih dan membaca kad perkataan dalam kotak madu.
4. Murid yang lain akan membaca kad gambar masing-masing dan mengangkat kad gambar yang sama dengan perkataan yang dibaca oleh rakan.

## **Aktiviti 2:** Menulis perkataan secara mekanis.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid menonton video yang ditunjukkan sambil menyebut perkataan.
2. Murid menulis suku kata yangbetul di tempat kosong.
3. Murid menulis perkataan yang disebut oleh guru berdasarkan gambar di papan tulis kecil.



## BBB UNIT 4 : Membaca



uji



isi



abu



uli



ibu



ubi

api

alu

## BBB UNIT 4 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 13 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

# UNIT 5

## **Aktiviti 1:** Membaca perkataan dengan sebutan yang betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid mengeja dan membaca perkataan berdasarkan gambar.
2. Murid mengeja dan menyebut perkataan bergerak dari stesen ke stesen untuk membaca kad perkataan.
3. Murid mencari gambar yang tepat berdasarkan kad perkataan yang dibaca di dalam bilik darjah.

## **Aktiviti 2:** Membina dan menulis perkataan.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid bergerak dalam kumpulan kecil ke setiap stesen.
2. Stesen 1 hingga stesen 6 mempunyai gambar, kad huruf dan kad suku kata.
3. Murid menyusun kad huruf membentuk suku kata dan menyusun kad suku kata menjadi perkataan.
4. Setiap murid menulis perkataan yang dibina pada lembaran kerja.



## BBB UNIT 5 : Membaca

| | |
|---|---|
| menara |  |
| kelapa |  |
| bateri |  |
| kamera |  |
| tomato |  |
| pelita |  |

## BBB UNIT 5 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 15 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

# UNIT 6

## Aktiviti 1: Membaca perkataan dengan sebutan yang betul.




**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran:**

1. Murid menonton video yang dipaparkan oleh guru.
2. Murid mencantum dua suku kata bagi membentuk perkataan berdasarkan gambar.
3. Murid mengeja dan membaca perkataan yang terdapat dalam gambar.
4. Guru membimbing murid.
5. Murid mengeja dan membaca perkataan yang telah dibentuk semula.

## Aktiviti 2: Membina dan menulis perkataan.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.**

1. Murid membaca gambar yang dipaparkan.
2. Murid menyebut perkataan berdasarkan gambar.
3. Murid menulis dua suku kata berdasarkan gambar.
4. Guru membimbing murid.
5. Murid mencantumkan suku kata membentuk perkataan.
6. Murid menulis perkataan secara mekanis semula.



## BBB UNIT 6 : Membaca

| | | |
|---|---|---|
| li | mau |  |
| pu | lau |  |
| ge | rai |  |
| pe | tai |  |
| ka | loi |  |
| do | doi |  |

## BBB UNIT 6 : Menulis

Guru perlu menyediakan bahan yang bersesuaian berdasarkan cadangan aktiviti untuk meningkatkan tahap penguasaan menulis. (slaid 17 – cadangan aktiviti kemahiran menulis)

# UNIT 7

**Aktiviti 1:** Membaca ayat dengan sebutan yang betul.



KEMAHIRAN MEMBACA

Baca ayat-ayat berikut.

1. Hadijah masak sayur cendawan.
2. Azam beli tong sampah.
3. Ling jumpa wang lama.
4. Pokok nangka ini tinggi.
5. Sarimah suka warna jingga.
6. Ah Seng pandai imbang bola.
7. Kumari bela sembilan ekor itik.
8. Kakak melawat ibu di hospital.
9. Alang beli rebung di pasar.
10. Raju potong kayu guna parang.
11. Abu ada tiga orang anak lelaki.
12. Gazi suka duduk di pondok.
13. Buah mempelam itu sudah masak ranum.
14. Kawan ibu suka makan sambal tempoyak.
15. Adik suka baca buku cerita Sang Kancil.

**Cadangan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran:**

1. Permainan latihan minda sebagai persediaan murid untuk belajar.
2. Murid membaca kad perkataan yang disediakan oleh guru.
3. Murid menyusun kad perkataan berikut menjadi ayat.
4. Latih tubi membaca ayat mudah secara berpasangan.

# Bahan Rujukan

## Bahan Bantu Belajar Murid
## Program Literasi dan Numerasi




## Item Pentaksiran




## Video PdP Literasi


Program Literasi & Numerasi

Menu Utama · Bahan Sumber/

Bahan Bantu Belajar Murid

Literasi Bahasa Melayu Tahun 2

Bahan yang dihasilkan dalam tahun 2021:
- Menyebut Frasa
- Respons Permintaan
- Respons Pesanan
- Respons Terhadap Soalan
- Jelaskan Maklumat
- Baca Perenggan Petikan
- Baca Kosa Kata
- Kenal Pasti Idea Utama

Manual BBBM Bahasa Melayu Tahun 2 (2022)

Unit 1 - 1.1.1(i) : Ceria Pagi

Unit 2 - 2.1.1(iv) : Kenangan Sukaneka

Unit 3 - 3.1.1(iv) : Adab Ketika Makan

Unit 3 - 5.1.1(iiv) : Tahniah, Kak Mastura!

Unit 3 - 4.1.1(ii) : Menziarahi Pakcik Zamri

Unit 4 - 3.2.1(i)(ii) : Bantu-membantu

# KAEDAH PENGAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR BAHASA MELAYU

| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 1.1.1 Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi pelbagai bunyi;<br>i) vokal<br>ii) konsonan<br>iii) diftong<br>iv) vokal berganding<br>v) digraf<br>vi) konsonan bergabung<br><br>1.1.1 Mengajuk, dan menyebut;<br>i) nama abjad<br>ii) bunyi abjad (SJK)<br><br>1.1.2 Mengajuk, dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi pelbagai bunyi;<br>i) vokal dan konsonan<br>ii) diftong dan vokal berganding<br>iii) digraf dan konsonan bergabung | • Mendengar<br>• Mengajuk<br>• Menyebut | Mengajuk: meniru tingkah laku seseorang dan juga sebutan.<br><br>Murid atau guru akan membaca perkataan atau frasa. Kemudian murid perlu mengajuk atau menyebut perkataan atau frasa tersebut semula.<br><br>Murid menyebut perkataan, frasa, dan ayat yang disebut oleh guru.<br>atau<br>Murid mengajuk sebutan guru.<br>Contoh:<br>Cikgu Ali: Emak (guru sebut)<br>Murid: Emak (murid ajuk) |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**KOTAK MADU**

1. Kad yang mengandungi perkataan seperti kehendak SP.
2. Semua kad itu dimasukkan ke dalam kotak.
3. Muzik dimainkan.
4. Permainan kotak madu.
    - Muzik dibunyikan. Kotak madu bergerak .
    - Muzik dihentikan. Murid yang memegang kotak madu diminta mengambil kad yang mengandungi perkataan seperti dalam SP (i) hingga (vi).
5. Murid yang memegang kad, memilih seorang kawan untuk mendengar ayat yang disebutnya.
6. Murid yang mendengar ayat akan mengulangi sebutan ayat itu semula.
7. Mainkan muzik sehingga semua murid dapat menyebut ayat.






## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**KARUSEL**

1. Murid duduk dalam kumpulan.
2. Guru menyerahkan kepingan kad perkataan.
3. Kad perkataan akan bergerak mengikut pusingan jam dalam kalangan murid.
4. Murid akan bergilir menyebut kad kata tersebut dan murid lain akan menyebut yang didengarnya semula.
   - Muzik dimainkan semasa kad itu beredar.
   - Apabila muzik dihentikan, murid tersebut akan menyebut perkataan pada kad tersebut.
   - Murid lain akan mengajuk sebutan murid tersebut.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 1.1.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap;<br>i) soalan<br>ii) suruhan<br>iii) pesanan<br><br>1.1.3 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap;<br>i) soalan dengan kata tanya<br>ii) suruhan (SJK) | • Memberikan respons | Pesanan: sesuatu yang dipesan.<br>Respons: reaksi.<br>Suruhan: sesuatu yang disuruh, perintah.<br><br>• Murid mendengar penerangan guru tentang bentuk soalan / suruhan dan pesanan / soalan dengan kata tanya dan suruhan.<br><br>• Murid memahami bentuk soalan / suruhan dan pesanan / soalan dengan kata tanya dan suruhan yang didengarkan.<br><br>• Murid memberikan respons secara lisan terhadap bentuk soalan / suruhan dan pesanan / soalan dengan kata tanya dan suruhan. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI BULATAN LUAR, BULATAN DALAM**

1. Murid mencari pasangan masing-masing.
2. Murid perlu membentuk 2 bulatan, murid 1 di dalam bulatan dan murid 2 di luar bulatan 2 di luar bulatan 1. Murid perlu berdiri menghadap pasangan.
3. Murid di dalam bulatan akan memberikan soalan / suruhan dan pesanan / soalan dengan kata tanya dan suruhan.
4. Murid di luar bulatan akan mendengar dan memberikan respons terhadap soalan / suruhan dan pesanan / soalan yang diajukan.
5. Akhir sekali, murid di dalam bulatan dan di luar bulatan bergilir-gilir menjalankan aktiviti.





30

## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**POLIS CILIK**

1. Murid mendengar soalan / suruhan berdasarkan gambar.
2. Murid berbincang dalam kumpulan dan memberi respons terhadap soalan / suruhan.
3. Kumpulan lain boleh menyoal kumpulan tersebut dengan menggunakan kata tanya berdasarkan gambar.
4. Anggota kumpulan yang disoal boleh menjawab soalan yang ditanya.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 1.2.1 Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai secara bertatasusila.<br><br>1.2.1 Bertutur untuk menyampaikan pesanan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila. (SJK) | • Menyampaikan maklumat | • Murid bertutur tentang sesuatu perkara / bahan yang diberikan.<br><br>• Murid diberi waktu untuk mencari idea dan menjelaskan dan menyampaikan idea / pesanan berdasarkan bahan secara lisan. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI JURUHEBAH RADIO**

1. Murid bergerak dalam kumpulan.
2. Setiap murid dalam kumpulan memilih satu kad gambar yang disukai daripada kelompok kad gambar buah-buahan, kad gambar kereta dan kad gambar permainan
3. Murid menjelaskan dan menyampaikan idea / pesanan berdasarkan gambar secara bertatasusila.
4. Guru memberikan ganjaran kepada murid yang menyampaikan maklumat dan idea dengan baik.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**GELUNG MASA**

1. Murid duduk dalam bulatan.
2. Guru menyediakan dua biji bola kepada dua orang murid.
3. Guru memainkan muzik dan dua biji bola itu diedarkan kepada kawan seorang demi seorang.
4. Muzik dihentikan oleh guru. Dua orang murid yang memegang bola itu berdiri untuk menyampaikan maklumat tentang cara-cara membersihkan sikat.
5. Muzik dipasang semula untuk murid lain berdiri dan menyampaikan maklumat (maklumat yang disampaikan boleh berkaitan dengan cara-cara menjaga kebersihan yang lain).



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
| --- | --- | --- |
| 1.2.2 Menyampaikan maklumat daripada bahan.<br><br>1.2.2 Menyampaikan maklumat tersurat daripada bahan. (SJK) | • Menyampaikan maklumat | • Murid bertutur tentang sesuatu perkara / bahan yang diberikan.<br><br>• Murid diberi waktu untuk mencari idea dan menyampaikan maklumat tersurat berdasarkan bahan secara lisan. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**KAEDAH GALI MAKLUMAT**

1. Murid duduk dalam kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan meneliti kad gambar yang diberikan.
3. Berdasarkan gambar, murid mencari maklumat yang berkaitan dalam bekas.
4. Murid menyebut maklumat secara kuat dan diajuk oleh ahli kumpulan yang lain.
5. Murid menampal gambar dan maklumat-maklumat berkaitan gambar yang diperoleh dari bekas pada papan putih.
6. Murid menyampaikan maklumat tersebut di hadapan kelas.

**Contoh Gambar**




**Bekas**

- murid sedang berenang
- belari dengan semangat
- bermain bersama rakan
- murid bersenam beramai-ramai

## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**TIKAR PANTAI**

1. Murid duduk dalam kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi sebidang tikar.
3. Guru meletakkan hidangan sarapan di atas tikar untuk murid berbincang.
4. Murid berbincang dan menyampaikan maklumat berkaitan hidangan sarapan yang diberi oleh guru.



# IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN VIDEO PENJELASAN SP KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR



# KAEDAH PENGAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU

| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul;<br>i) vokal<br>ii) konsonan<br>iii) suku kata<br>iv) frasa<br>v) perkataan<br>vi) ayat<br><br>2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul;<br>i) suku kata<br>ii) perkataan<br>iii) ayat (SJK) | • Sebutan | Murid dibimbing oleh guru membaca vokal, konsonan, suku kata, frasa, perkataan dan ayat dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI MENCARI PASANGAN**

1. Setiap murid akan diberi sekeping kad bacaan.
2. Kad bacaan tersebut mengandungi vokal, konsonan, suku kata, frasa, perkataan dan ayat.
3. Murid-murid akan membaca kad bacaan mereka sendiri secara bacaan senyap.
4. Murid-murid akan bergerak ke arah murid lain untuk mencari kad bacaan yang sama dan membentuk kumpulan.
5. Setiap kumpulan terdiri daripada empat orang ahli.
6. Murid-murid akan membaca ayat yang terdapat pada kad bacaan mereka dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI SUAI-BACA (SUBA)**

1. Murid mendengar bacaan suku kata oleh rakan lain.
2. Murid membaca suku kata berdasarkan kad suku kata.
3. Guru menyediakan kad gambar.
4. Kad gambar dibahagikan kepada dua, setiap bahagian mengandungi suku kata.
5. Murid diminta untuk mencari dan mencantum gambar untuk membentuk perkataan.
6. Murid membaca perkataan yang dibentuk (dada, guli).



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;<br>i) perkataan dua suku kata dan tiga suku kata<br>ii) frasa<br>iii) ayat<br><br>2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;<br>i) perkataan<br>ii) frasa<br>iii) ayat dalam perenggan (SJK) | • Sebutan | Murid membaca perkataan dua suku kata dan tiga suku kata, frasa dan ayat dalam perenggan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**KOTAK MADU**

1. Di dalam kotak madu, guru perlu menyediakan kad bacaan perkataan dua suku kata dan tiga suku kata, frasa dan ayat dalam perenggan.
2. Guru perlu menyediakan dua buah kotak madu. Kotak madu A dan B.
3. Muzik dibunyikan. Dua buah kotak madu akan bergerak serentak. Kotak madu A akan bergerak dalam kumpulan A dan kotak madu B dalam kumpulan B.
4. Muzik dihentikan. Murid yang memegang kotak madu daripada kumpulan A diminta mengambil kad bacaan perkataan dua suku kata dan tiga suku kata, frasa dan ayat dalam perenggan dalam kotak A dan membaca ayat itu.
5. Kemudian, guru meminta murid yang memegang kotak B menyebut ayat yang dibaca itu semula dengan betulnya (bagi perkataan dua suku kata dan tiga suku kata, frasa dan ayat dalam perenggan, guru boleh menyediakan soalan atau meminta murid menyatakan maklumat yang dibaca).
6. Permainan itu diteruskan. Mainkan muzik sehingga semua murid yang ingin dinilai telah direkodkan penilaiannya.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI BILAH KIPAS**

1. Murid melihat kad gambar yang ditunjukkan oleh guru.
2. Murid mencari bilah kipas yang berkaitan dengan gambar.
3. Murid membaca suku kata yang terdapat pada bilah kipas.
4. Murid menyusun suku kata semula membentuk perkataan.
5. Murid membaca perkataan yang dibentuk.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan;<br>i) kosa kata<br>ii) idea tersurat<br>iii) idea tersirat<br><br>2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan;<br>i) kosa kata umum<br>ii) idea tersurat (SJK) | • Menaakul | Murid menyatakan / menerangkan / menjelaskan kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersirat dengan ayat yang sesuai. |
| | • Kosa kata umum | Keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa. |
| | • Idea tersurat | Sesuatu perkara yang telah tercatat atau tertulis dalam bahan. |
| | • Idea tersirat | Sesuatu perkara yang tersembunyi yang perlu difikirkan dalam sesuatu bahan. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI BACA DAN TANDA (*READ AND HIGHLIGHT*)**

1. Murid membaca bahan atau petikan yang diberikan oleh guru berdasarkan buku teks atau bahan dan sebagainya.
2. Murid diminta mengecam dan mengenal pasti kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersirat.
3. Murid menanda atau mencatat kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersirat.
4. Murid merujuk kamus / bahan yang dibaca untuk mencari kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersirat .
5. Murid membaca kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersirat selepas memahami kosa kata umum, idea tersurat dan idea tersurat tersebut dalam kumpulan atau individu dengan sebutan yang betul.
6. Kawan / kumpulan lain akan memberikan markah atau bintang dengan panduan guru.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI BURU MAKLUMAT**

1. Murid mendengar guru membaca petikan.
2. Murid membaca petikan.
3. Guru bersoal jawab dengan murid.
4. Murid menyenaraikan perkataan yang kurang difahami secara lisan.
5. Murid menyemak kamus untuk mendapatkan maksud dalam kumpulan.
6. Murid bergerak ke kumpulan yang lain untuk menyemak maksud kosa kata..



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 2.3.1 Membaca dan mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bukan sastera;<br>i) cerita<br>ii) pantun<br>iii) lagu kanak-kanak<br><br>2.3.1 Membaca bahan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta mempersembahkan dengan penuh penghayatan;<br>i) cerita<br>ii) pantun (SJK) | • Mengenal pasti kandungan teks | Menerangkan kandungan teks daripada bahan (cerita, pantun dan lirik lagu kanak-kanak) yang telah dikenal pasti maklumat kandungannya. |
| | • Cerita | Karangan atau lakonan yang mengisahkan sesuatu peristiwa |
| | • Pantun | Karangan berangkap yang biasanya terdiri daripada empat baris. |
| | • Bahan sastera | Hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu. |
| | • Bahan bukan sastera | Lebih terarah pada bahan ilmiah, contohnya kajian, kertas kerja, rencana, berita, syarahan dan pidato. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI BURUNG TINGGALKAN SARANG**

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan. Setiap murid dalam kumpulan dinomborkan.
2. Guru memberikan bahan yang berbeza (cerita, pantun dan lagu kanak-kanak) kepada setiap kumpulan.
3. Setiap kumpulan perlu membaca dan mengenal pasti maklumat daripada bahan (cerita, pantun dan lagu kanak-kanak).
4. Murid melengkapkan maklumat di dalam peta minda (peta *i-think* ikut kesesuaian bahan) yang disediakan oleh guru.
5. Murid bernombor 1,2,3 dalam kumpulan akan bergerak keluar menerangkan bahan (cerita, pantun dan lagu kanak-kanak) mereka kepada kumpulan lain.
6. Murid yang bernombor 4,5,6 akan kekal dalam kumpulan untuk menerangkan bahan (cerita, pantun dan lagu kanak-kanak) kepada murid yang datang kepada kumpulan mereka.
7. Guru memantau dan mengawasi murid menjalankan aktiviti.

(Gambar di muka surat seterusnya.)




## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI PUSING DAN KONGSI (*SHARE AND TURN )***

1. Murid mendengar penerangan guru tentang pantun dua dan empat kerat.
2. Murid mendengar guru membaca pantun dengan nada yang betul.
3. Murid dibimbing oleh guru membaca pantun.
4. Murid dan guru berbincang tentang maksud pantun.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 2.3.2 Membaca, memahami, dan mempersembahkan karya sastera.<br><br>2.3.2 Membaca bahan bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai, serta mempersembahkannya dengan penuh penghayatan;<br>i) label (SJK) | • Mempersembahkan karya sastera | Membaca dan menerangkan kandungan teks daripada bahan sastera yang telah dikenal pasti maklumat kandungannya.<br><br>Membaca label dengan sebutan yang betul dan menerangkan kandungan teks daripada label. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP (Bahan Bukan Buku Teks)**

**AKTIVITI PERSEMBAHAN (*PRESENTATION*)**

1. Aktiviti ini boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.
2. Sekiranya berkumpulan, murid membaca bahan dan berbincang tentang bahan yang dibaca.
3. Murid memilih wakil kumpulan untuk membuat persembahan.
4. Wakil kumpulan tampil ke hadapan membuat persembahan / penerangan dengan penuh penghayatan berdasarkan bahan yang dibaca.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI JOM BERNYANYI**

1. Murid mendengar lagu "Sungai".
2. Murid mendengar *minus one* yang dimainkan dan murid menyanyikan lagu tersebut.
3. Murid menyanyikan lagu mengikut lirik dan membuat gerakan.


Membaca

Sungai

Airmu mengalir
Dari gunung jauh di sana
Jernih dan sejuknya
Sungguh indah dipandang mata

Kau tetap mengalir
Walau apa halangan tiba
Tak berhenti-henti
Hingga sampai di laut nanti

Masa juga akan berlalu
Tak menunggu kita
Gunakanlah sepenuhnya
Janganlah leka

(Irama lagu: *Sungai*)

Aktiviti

Membuat gerakan berdasarkan seni kata lagu.

# IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN VIDEO PENJELASAN SP KEMAHIRAN MEMBACA



# KAEDAH PENGAJARAN KEMAHIRAN MENULIS BAHASA MELAYU

| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.1.1 Menulis secara mekanis;<br>(i) huruf<br>(ii) suku kata<br>(iii) perkataan<br>(iv) frasa<br>(v) ayat | • Tiru dan salin | Menulis secara mekanis dengan kemas dan betul.<br>Makna mekanis: Tiru dan tulis<br><br>**Contoh:**<br>1. Guru menunjukkan bentuk huruf / suku kata / perkataan / frasa) yang kemas pada papan putih.<br>2. Murid mengikut cara menulis huruf / suku kata / perkataan / frasa berpandukan tunjuk ajar guru.<br>3. Murid menulis huruf / suku kata / perkataan / frasa yang diberikan. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI JELAJAH MAKLUMAT**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan menekap atau menyurih huruf / suku kata / perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan menyambung titik huruf / suku kata / perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan akan menulis huruf / suku kata / perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
4. Pada akhir PdP, murid dapat menulis secara mekanis huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Teks : muka surat 4 - 5, 12, 17, 18 (SK)
Buku Aktiviti BM SK Tahun 1 Jilid 1, muka surat 3 - 6, 12, 19, 20, 21, 22

**AKTIVITI JELAJAH INFO (*GALLERY WALK)***

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan menekap atau menyurih huruf / suku kata / perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan menyambung titik huruf/suku kata / perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan menulis huruf/suku kata/ perkataan / frasa / ayat yang diberikan.
4. Pada akhir PdP, murid dapat menulis secara mekanis huruf, suku kata, perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.2.1 Membina dan menulis;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat | • Membina dan menulis | Murid perlu menulis perkataan / frasa / ayat dengan betulnya.<br><br>Contoh :<br>1. Murid ditunjukkan atau ditayangkan perkataan / frasa / ayat melalui kad perkataan atau bahan media.<br>2. Murid menulis perkataan / frasa / ayat yang diberikan. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI ITU APA?**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan membina perkataan berdasarkan kad suku kata dan gambar rangsangan (Contoh : kad suku kata dan gambar anggota badan).
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan menulis perkataan dengan melengkapkan tempat kosong berdasarkan suku kata yang sesuai (Contoh : anggota badan dan mengisi tempat kosong yang ditulis secara berkumpulan).
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan menulis perkataan / frasa / ayat yang diberikan oleh guru.
4. Pada akhir PdP, murid dapat menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Aktiviti BM Tahun 1 Jilid 1, muka surat 22 - 44

**AKTIVITI TEKA SAYA**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan diperkenalkan perkataan bermakna dan gambar. Murid menyanyikan lagu.
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan membina perkataan berdasarkan suku kata perkataan yang diberikan.
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan akan menulis perkataan / frasa / ayat yang diberikan oleh guru.
4. Pada akhir PdP, murid dapat menulis perkataan, frasa dan ayat dengan betulnya.



| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan;<br>(i) bertumpu<br>(ii) bercapah | • Membina jawapan<br><br>• Soalan bertumpu<br><br>• Soalan bercapah | Murid membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah.<br>Bertumpu: Soalan yang memerlukan jawapan yang bersifat objektif dan dinyatakan dalam teks. (maksud tersurat)<br>Bercapah: Soalan yang berpecah daripada sesuatu tumpuan. (maksud tersirat)<br><br>Contoh :<br>1. Guru mengajukan beberapa soalan kepada murid.<br>**Contoh soalan bertumpu.**<br>Siapa yang tidak hadir hari ini?<br><br>2. Murid menjawab soalan guru.<br>3. Guru mengajukan beberapa soalan kepada murid.<br>**Contoh soalan bercapah.**<br>Mengapakah dia tidak hadir hari ini?<br><br>4. Murid menjawab soalan guru. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI KAMU TANYA, SAYA JAWAB**

**Soalan Bertumpu**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan membaca serta memahami perenggan. Murid akan menjawab soalan lisan dengan bimbingan guru.
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan membina jawapan berdasarkan soalan dengan bimbingan guru.
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan menulis jawapan secara individu. Suri teladan (murid yang cemerlang) membantu rakan yang belum menguasai kemahiran tersebut.

**Soalan Bercapah**

1. Murid diberi soalan bercapah. Contoh soalan:
   Mengapakah Anas bercita-cita menjadi doktor?

2. Murid menulis jawapan secara individu dengan menggunakan idea sendiri (tersirat).






## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Teks 42 & 53; Buku Aktiviti BM Tahun 1 Jilid 1, muka surat 45 & 60

**AKTIVITI GURU MUDA**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 1 dan membaca serta memahami perenggan. Murid menjawab soalan lisan dengan bimbingan guru.
2. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 2 dan membina jawapan berdasarkan soalan. Murid menyusun jawapan dengan kad yang disediakan.
3. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen 3 dan menulis jawapan secara individu. Guru muda membantu rakan yang belum menguasai kemahiran tersebut.












| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.2.3 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara. | • Mencatat | Murid mencatat maklumat.<br><br>Contoh :<br>1. Murid mendengar dan memahami penerangan guru tentang maklumat.<br>2. Murid dibimbing oleh guru membaca dan memahami maklumat daripada bahan yang dibaca.<br>3. Murid mencatat maklumat. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI TIKAR PERPADUAN**

1. Murid mendengar dan memahami penerangan guru tentang aktiviti.
2. Guru menyediakan kad arahan bergambar.
3. Murid dibawa bersiar-siar di luar kelas untuk mendapatkan maklumat berdasarkan kad arahan bergambar.
4. Murid mencatat maklumat berdasarkan kad arahan bergambar. Contoh: Padang (maklumat : apa-apa yang ada di padang)
5. Dalam kumpulan, murid memindahkan maklumat dalam tikar perpaduan dan membincangkan hasilnya.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Teks muka surat 48; Buku Aktiviti BM Tahun 1 Jilid 1, muka surat 52 & 53

**AKTIVITI PETA MINDA**

1. Guru mengedarkan kad rajah kepada setiap murid / kumpulan.
2. Murid melengkapkan maklumat daripada buku teks / apa-apa yang ditonton / diperdengarkan oleh guru.
3. Murid mencatat maklumat dalam kad rajah.
4. Maklumat dalam kad rajah dibincang bersama-sama.






| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.2.4 Menulis sesuatu yang diimlakkan;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat<br><br>3.2.4 Menulis sesuatu yang diimlakkan;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa | • Imlak | Murid menulis sesuatu yang diimlakkan.<br><br>Imlak: Perbuatan menyebut perkataan supaya ditulis oleh orang lain.<br><br>Contoh :<br>1. Murid dibimbing oleh guru membaca bahan bacaan (rujuk buku teks).<br>2. Murid mengikut sebutan perkataan dan frasa / ayat guru / rakan.<br>3. Murid menulis perkataan dan frasa / ayat yang diimlakkan / dibaca oleh guru / kawan. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI IMLAK LARIAN**

1. Murid bergerak dalam kumpulan ke stesen.
2. Seorang murid yang menjaga stesen membaca perkataan / frasa dan ayat.
   Contoh Stesen 1: buku, bola, bayi
   Contoh Stesen 2: bakul, bomba, pintu
   Contoh Stesen 3: pisang, pedang, gelang

3. Murid diberi masa dan guru akan meniupkan wisel untuk setiap stesen.
4. Murid yang membaca perkataan semasa aktiviti imlak larian akan menulis perkataan yang diimlak oleh guru.
5. Murid bertukar buku dengan rakan untuk semakan.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Teks 62 & 68; Buku Aktiviti BM Tahun 1 Jilid 1, muka surat 65, 66, 68 & 74

**AKTIVITI TELEFON ROSAK**

1. Murid dalam barisan diberi perkataan / frasa / ayat yang berlainan, murid secara bergilir-gilir menyebut perkataan yang dinyatakan oleh rakan dalam kumpulan.
2. Murid yang terakhir menulis perkataan / frasa / ayat tersebut dalam kertas.
3. Semakan ejaan dibuat di dalam kelas oleh guru.
4. Murid terakhir akan bergerak ke hadapan untuk menyebut perkataan / frasa / ayat kepada murid seterusnya.
5. Aktiviti ini akan berulang sehingga semua murid berpeluang menulis.
6. Guru menyebut semua perkataan / frasa / ayat semula dan murid menulis secara individu.






| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.3.1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara;<br>(i) terkawal | • Penulisan naratif dan bukan naratif | Murid menulis penulisan naratif dan bukan naratif.<br>Naratif: Cerita peristiwa atau pengalaman.<br>Bukan naratif: Bukan cerita dan berbentuk format.<br><br>Contoh :<br>1. Murid dibimbing oleh guru membaca tajuk / tema dalam buku teks atau bahan yang disediakan oleh guru.<br>2. Murid dibimbing oleh guru cara membina kerangka atau peta *i-Think* seperti peta alir untuk menulis karangan secara kreatif berdasarkan soalan/tajuk yang diberikan.<br>3. Murid dibimbing oleh guru cara menulis idea dalam peta *i-Think* atau grafik yang telah dibina.<br>4. Murid menulis karangan yang lengkap berpandukan kerangka karangan yang telah dibincangkan. |

## Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI KERETA API**

1. Guru menyediakan bahan rangsangan dan kad gerabak yang mengandungi soalan.
2. Soalan bertujuan membantu murid mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk.
3. Setiap kumpulan diberi satu set kad gerabak.
4. Murid menulis jawapan berdasarkan soalan pada kad yang diberikan.
5. Murid menyusun kad gerabak mengikut turutan lalu membuat pembentangan.
6. Murid menulis ayat jawapan semula dalam bentuk penulisan naratif atau bukan naratif yang dihasilkan.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

Buku Teks muka surat 73; Buku Aktiviti BM Tahun 1 Jilid 1, muka surat 82, 83

**AKTIVITI ALAS MEJA**

1. Guru menyediakan soalan / tajuk / bahan dan carta alir.
2. Murid bergilir-gilir melengkapkan carta alir berdasarkan gambar dan frasa yang diberikan dalam kumpulan.
3. Murid membentangkan kerangka yang betul di hadapan kelas dan berbincang untuk memastikan kerangka itu betul.
4. Murid menulis karangan lengkap secara individu dengan bimbingan guru.






| Kandungan SP dan Keperluan SP Perlu Dicapai | Kata Kunci SP DSKP | Penjelasan Kata Kunci |
|---|---|---|
| 3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek;<br>(i) ejaan<br>(ii) tanda baca | • Mengedit<br>• Memurnikan | Murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan.<br><br>Contoh :<br>1. Murid membaca petikan / teks (rujuk buku teks) atau bahan yang diberikan oleh guru.<br>2. Murid dibimbing oleh guru mengenal pasti kesalahan dalam ayat / perenggan / perenggan pertama dalam teks sahaja.<br>3. Murid mengedit dan memurnikan hasil penulisan dalam kumpulan. |

**Contoh Aktiviti Bahan Bukan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP**

**AKTIVITI BERPUTAR**

1. Murid dalam kumpulan kecil berdiri di setiap stesen (terpulang kepada guru untuk menyediakan bilangan stesen).
2. Stesen itu mempunyai perkataan / ayat / perenggan / teks yang perlu diedit dan dimurnikan.
3. Murid diberi masa 10 minit untuk mengenal pasti dan mengedit serta memurnikan perkataan / ayat / perenggan / teks itu dengan pen berwarna mengikut kumpulan. Apabila masa tamat, kumpulan itu akan bergerak ke stesen lain hingga stesen yang terakhir.
4. Perbincangan di dalam kelas menggunakan ayat yang sempurna.
5. Murid menulis hasil penulisan itu semula secara individu.



## Contoh Aktiviti Bahan Buku Teks Berdasarkan Kata Kunci SP

**AKTIVITI BERPUTAR**

1. Murid dalam kumpulan kecil berdiri di setiap stesen (terpulang kepada guru untuk menyediakan berapa bilangan stesen)
2. Stesen itu mempunyai perkataan/ayat/perenggan/teks yang perlu diedit dan dimurnikan.
3. Murid diberi masa 10 minit untuk mengenal pasti dan mengedit serta memurnikan perkataan/ ayat/ perenggan/ teks itu dengan pen berwarna mengikut kumpulan. Apabila masa tamat, kumpulan itu akan bergerak ke stesen lain hingga ke stesen yang terakhir.
4. Perbincangan dalam kelas menggunakan ayat yang sempurna.
5. Murid menulis hasil penulisan itu semula secara individu.






# IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN VIDEO PENJELASAN SP KEMAHIRAN MENULIS



# CONTOH AKTIVITI MENARIK PENGAJARAN BAHASA MELAYU

| DSKP SK | DSKP SJK | AKTIVITI |
| --- | --- | --- |
| 1.1.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap;<br>(i) soalan<br>(ii) suruhan<br>(iii) pesanan | 1.1.2 Mengajuk, dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi pelbagai bunyi;<br>(i) vokal dan konsonan<br>(ii) diftong dan vokal berganding<br>(iii) digraf dan konsonan bergabung | **PAUTAN :**<br>**AKTIVITI NYANYI DAN BUAT**<br><br>**PAUTAN:**<br>**AKTIVITI PULANG KE RUMAH** |
| | 1.1.3 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap;<br>(i) soalan dengan kata tanya<br>(ii) suruhan | **PAUTAN:**<br>**AKTIVITI SIAPA CEPAT, DIA DAPAT** |

| DSKP SK | DSKP SJK | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 1.2.1 Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi secara bertatasusila. | 1.2.1 Bertutur untuk menyampaikan pesanan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara bertatasusila. | **PAUTAN: AKTIVITI TEKA SIAPA SAYA?** |
| 1.2.2 Menyampaikan maklumat daripada bahan. | 1.2.2 Menyampaikan maklumat tersurat daripada bahan. | **PAUTAN: AKTIVITI SAYA TERANG, ANDA CATAT** |
| 2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul;<br>(i) vokal<br>(ii) konsonan<br>(iii) suku kata<br>(iv) frasa<br>(v) perkataan<br>(vi) ayat | 2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai;<br>(i) suku kata<br>(ii) perkataan<br>(iii) ayat | **PAUTAN: AKTIVITI SIP SIP** |

| DSKP SK | DSKP SJK | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;<br>(i) perkataan dua suku kata dan tiga suku kata<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat | 2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat dalam perenggan | **PAUTAN: AKTIVITI JORAN BAHASA**<br><br>**PAUTAN: AKTIVITI TETINGKAP** |
| 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan;<br>(i) kosa kata<br>(ii) idea tersurat<br>(iii) idea tersirat | 2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan;<br>(i) kosa kata umum<br>(ii) idea tersurat | **PAUTAN: AKTIVITI CARI DAN TAMPAL** |
| 2.3.1 Membaca dan mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bukan sastera;<br>(i) cerita<br>(ii) pantun<br>(iii) lagu kanak-kanak | 2.3.1 Membaca bahan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai, serta mempersembahkan-nya dengan penuh penghayatan;<br>(i) cerita<br>(ii) pantun | **PAUTAN: AKTIVITI SAPU TANGAN** |

| DSKP SK | DSKP SJK | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 2.3.2 Membaca, memahami, dan mempersembahkan karya sastera.<br>(i) label | 2.3.2 Membaca bahan bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai, serta mempersembahkannya dengan penuh penghayatan;<br>(i) label | **PAUTAN: AKTIVITI BACAAN BERANGKAI DAN APA ITU?** |
| 3.1.1 Menulis secara mekanis;<br>(i) huruf<br>(ii) suku kata<br>(iii) perkataan<br>(iv) frasa<br>(v) ayat | 3.1.1 Menulis secara mekanis;<br>(i) huruf<br>(ii) suku kata<br>(iii) perkataan<br>(iv) frasa<br>(v) Ayat | **PAUTAN: AKTIVITI LIHAT DAN TULIS** |
| 3.2.1 Membina dan menulis;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat | 3.2.1 Membina dan menulis;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat | **PAUTAN: AKTIVITI KAPAS POM POM** |
| 3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan;<br>(i) bertumpu<br>(ii) bercapah | 3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman dengan berdasarkan soalan;<br>(i) bertumpu<br>(ii) bercapah | **PAUTAN: RODA AJAIB** |

| DSKP SK | DSKP SJK | AKTIVITI |
|---|---|---|
| 3.2.3 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara. | 3.2.3 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara. | **PAUTAN: AKTIVITI CATAT LARIAN** |
| 3.2.4 Menulis sesuatu yang diimlakkan;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa<br>(iii) ayat | 3.2.4 Menulis sesuatu yang diimlakkan;<br>(i) perkataan<br>(ii) frasa | **PAUTAN: AKTIVITI PANCING BAHASA** |
| 3.3.1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara;<br>(i) terkawal | 3.3.1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara;<br>(i) terkawal | **PAUTAN: AKTIVITI PUSAT SUKU** |
| 3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek;<br>(i) ejaan<br>(ii) tanda baca | 3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek;<br>(i) ejaan<br>(ii) tanda baca | **PAUTAN: AKTIVITI FIKIR, EDIT DAN MURNI** |

# CADANGAN
# REPOSITORI BPK

## PLATFORM 1: DELIMa









**Selepas itu, anda akan dipaparkan dengan pelbagai fungsi untuk kegunaan PdP yang boleh dimanfaatkan sebaiknya!**









**Imbas kod QR untuk pautan pantas**

DELIMa

## PLATFORM 2: Ez Learning Web




1 Cara mendapatkan bahan di Youtube Ez Learning




2 Filter mengikut keperluan



**Imbas kod QR untuk pautan pantas**

EZ Learning
Web

## PLATFORM 3: SumberKU KPM




**1** Cara mendapatkan bahan di SumberKU

- **diakses melalui peranti digital seperti komputer, komputer riba, tablet atau telefon pintar.**
- **menyediakan akses kepada sumber dan koleksi bahan PdP digital dari peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah.**




- **Carian yang mudah dan tiada ID atau kata laluan yang diperlukan.**
- **SumberKU juga menyediakan pautan 4 bahan sokongan PdP digital lain yang boleh diakses oleh guru dan murid**

**2**






## PANEL PENULIS

| | |
|---|---|
| Dr. Mazlan bin Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Puan Chin Fong Phin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Dr. Hajah Siti Rahayu binti Muhammad | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| En. Mohd Hizam bin Abdullah | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| En. Azhar bin Salleh | Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang, Johor (Munsyi Dewan) |
| Dr. Zarina binti Ahmad | IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor |
| Pn. Noor Azura binti Mohd Hanapi | Jabatan Pendidikan Negeri Selangor |
| En. Amran bin Bakar | Pejabat Pendidikan Daerah Seremban, Negeri Sembilan |
| Pn. Nor Halina binti Abdul Razak | Pejabat Pendidikan Daerah Wilayah Bangsar dan Pudu, KL |
| Pn. Roslawati binti Abdul Rani | SK Taman Desa, Kuala Lumpur |
| En. Mustakim bin Mustafa | SJK(T) Jalan Bangsar, Kuala Lumpur |
| Cik Lee Min Jie | SK Seri Anggerik, Kuala Lumpur |
| En. Muhammad Alkahfi bin Kamarulzaman | SK Bandar Tun Razak 1, Kuala Lumpur |
| En. Mat Ariffin bin Ismail | SJK(C) Batang Kali, Selangor |
| En. Abdul Hafiz bin Semang @ Kamarulzaman | SK Kampung Tunku, Selangor |
| Pn. Ruzita binti Jamil | SK Jenderam Hilir, Selangor |
| En. Mas Ahmad Ezanee bin Mohd Yusoff | SK Seksyen 6, Kota Damansara, Selangor |
| Pn. Rozana binti Idris | SK Putra Heights 2, Selangor |
| Pn. Farhana binti Che Ani@Abd Ghani | SK Sungai Kertas, Selangor |
| Pn. Amiza binti Abu Bakar | SK (1) Taman Selayang, Selangor |
| Pn. Nur Hakimah binti Ahmad | SJK(C) Yak Chee, Selangor |
| Pn. Ashvini a/p Munusamy | SJK(T) FES Serdang, Selangor |
| En. Abdul Rani bin Abdul Rahman | SK Taman Seri Gombak, Selangor |

# PENGHARGAAN

## PENASIHAT

**Dr. Rusmini binti Ku Ahmad**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kurikulum

## PENASIHAT EDITORIAL

**Pn. Sarina binti Salim**

Timbalan Pengarah

Sektor Bahasa dan Kesusasteraan

## PENYELARAS

**Dr. Mazlan bin Ismail**

Ketua Penolong Pengarah

Unit Bahasa Melayu

**Pn. Chin Fong Phin**

**Dr. Hjh Siti Rahayu binti Muhammad**

**En. Mohd Hizam bin Abdullah**

Penolong Pengarah

Unit Bahasa Melayu

## SUSUN ATUR

**Pn. Noor Azura binti Mohd Hanapi**

Penolong Pengarah JPN Selangor

**Cik Lee Min Jie**

SK Seri Anggerik, Kuala Lumpur

## TURUT MENYUMBANG

| | |
|---|---|
| Dr. Azwan bin Abd Aziz | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| En. Hafiz bin Hussain | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Zuraida binti Mohamed Aidin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Hajah Isnazhana binti Haji Ismail | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Tan Cor Ann | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Monalisa binti Alias | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Cik Mujimah binti Mujim | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Hasneeda binti Mohd Sarip | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| Pn. Siti Zulikha binti Zekepli | Bahagian Pembangunan Kurikulum |
| En. Muhamad Zaiful bin Zainal Abidin | Bahagian Pembangunan Kurikulum |

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6-8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Putrajaya.

03 8884 2000

03 8888 9917

ISBN 978-967-420-727-4

9 789674 207274